

# CHIMPANZEE BRAND MEDICATED OIL

Camphor/ Eucalyptus Oil/ Menthol/ Peppermint Oil/ Turpentine Oil/ Methyl Salicylate  
(4.84%w/w/ 25.79%w/w/ 7.25%w/w/ 7.25%w/w/ 25.79%w/w/ 13.7%w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Chimpanzee
2. Bagaimana Chimpanzee berfungsi
3. Sebelum menggunakan Chimpanzee
4. Cara menggunakan Chimpanzee
5. Semasa menggunakan Chimpanzee
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Chimpanzee.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Chimpanzee

la digunakan untuk melegakan sakit ringan hingga sederhana yang berkaitan reumatik, lebam, terseliuh, kekejangan otot, sakit otot atau sendi dan sakit belakang.

## Bagaimana Chimpanzee berfungsi

Chimpanzee mengandungi bahan-bahan Camphor Synthetic, Eucalyptus Oil, Menthol, Peppermint Oil, Turpentine Oil dan Methyl Salicylate. Apabila diurut dengan perlahan pada kulit, kesan sejuk dirasakan dan diikuti dengan rasa hangat untuk melegakan kesakitan.

## Sebelum menggunakan Chimpanzee

- Bila tidak boleh menggunakan
  - Jika anda mempunyai alahan terhadap camphor, eucalyptus oil, menthol, peppermint oil, turpentine oil, methyl salicylate, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
  - Jangan guna pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun
- Sebelum menggunakan Chimpanzee  
Gunakan dengan berhati-hati apabila merawat kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain  
- Ubat ini adalah untuk penggunaan luaran dan biasanya kurang mempengaruhi ubat lain. Walau

bagaimanapun, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain, terutamanya warfarin (digunakan untuk mencegah pembekuan darah), atau sebarang ubat yang anda beli dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

- Produk ini mengandungi Methyl Salicylate dan apabila disapu atau digosok pada kulit, boleh diserap melalui kulit ke dalam darah. Untuk pesakit yang sedang mengambil warfarin, penggunaan berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan risiko pendarahan.

## Cara menggunakan Chimpanzee

- Berapa banyak harus digunakan  
Sapukan atau gosokkan sedikit seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda pada bahagian badan yang sakit.
- Bila perlu digunakan  
Boleh disapu 3-4 kali sehari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.
- Berapa lama perlu digunakan  
Gunakan untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jika anda terlupa menggunakan  
Sapu dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan menyapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal
- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)  
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat anda, jika anda atau orang lain mungkin telah menggunakan dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

## Semasa menggunakan Chimpanzee

- Perkara yang perlu dilakukan  
Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Chimpanzee.  
- Jauhi dari capaian kanak-kanak.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
- Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.  
- Jangan berikan Chimpanzee kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Untuk kegunaan luar sahaja. Jangan sapu pada luka terbuka, berhampiran mata, mulut, atau terus ke dalam lubang hidung.
- Perhatian perlu diambil apabila merawat kanak-kanak berumur lebih daripada 2 tahun. Adalah berbahaya untuk meletakkan sebarang produk yang mengandungi camphor (kapur barus) ke dalam lubang hidung kanak-kanak. Sejumlah kecil digunakan dengan cara ini boleh menyebabkan pengsan serta-merta.

## Memandu dan menggunakan jentera

- Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Chimpanzee mempengaruhi anda. Jika produk ini membuatkan anda berasa pening atau loya, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Chimpanzee boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin termasuk:

- sakit kepala
- pening
- loya
- muntah
- kerengsaan kulit

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami

sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

NPRA(R4/1)100724/00087

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Chimpanzee**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 30° C di tempat yang kering.

Jangan gunakan produk ini selepas tarikh luput.

#### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Cecair jernih yang berwarna kekuningan terang.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
Camphor, Eucalyptus Oil, Menthol, Peppermint Oil, Turpentine Oil dan Methyl Salicylate.

Bahan tidak aktif  
White Oil, Cassia Oil, Spike  
Lavender

#### **- Nombor MAL**

MAL13045055XC

### **Pengilang**

Sanchuan Medical Sdn Bhd  
No. 72, Lengkok Rishah 2,  
Taman Rishah, Kaw. Perindustrian  
Silibin, 30100 Ipoh, Perak, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Cheong Chee Kong Trading  
No. 72, Lengkok Rishah 2,  
Taman Rishah, Kaw. Perindustrian  
Silibin, 30100 Ipoh, Perak, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

03/03/2025

### **Nombor siri**